

18/02/1999

Latihan bersama tentera dikurang

Johari Mohd in Jakarta

JAKARTA, Rabu - Malaysia dan Indonesia bersetuju menangguh atau mengurangkan skop latihan ketenteraan bersama berikutan krisis ekonomi yang masih melanda rantau ini.

Menteri Pertahanan Indonesia, Jeneral Wiranto, ketika mengumumkan perkara itu bagaimanapun tidak menyebut jumlah latihan yang terbabit dalam langkah itu.

"Kita masih perlukan latihan bersama ini sebagai satu usaha berterusan bagi meningkatkan tahap profesional dan keberkesanan tentera kita," katanya pada sidang akhbar bersama Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha.

Turut hadir Pemangku Ketua Polis Negara, Tan Sri Norain Mai; Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Zainal Abddin Alias dan Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Yakob Dasto.

Sebelumnya, beliau dan Abang Abu Bakar mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Malaysia-Indonesia (Malindo) ke-27 di sini yang turut dihadiri pegawai tinggi tentera dan polis kedua-dua negara.

Wiranto berkata, pasukan tentera Malaysia dan Indonesia tidak akan menghadapi sebarang masalah dalam latihan ketenteraan mereka kerana prosedur bagi tujuan itu sudah ditetapkan dan akan terus digunakan.

Menurutnya, jawatankuasa bersama itu juga memutuskan untuk meneruskan usaha sosioekonomi ketenteraan kedua-dua negara bagi meningkatkan tahap hidup penduduk di kawasan sempadan bersama.

Sementara itu, Abang Abu Bakar berkata isu mengenai tuntutan bertindih terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan di perairan dekat Sabah, tidak dibincangkan dalam mesyuarat semalam.

"Masalah pulau berkenaan tidak dibahaskan kerana kerajaan kedua-dua negara sudah bersetuju membawa isu itu ke Mahkamah Antarabangsa untuk diputuskan.

"Kita serah kepada Mahkamah Antarabangsa dan peringkat yang lebih tinggi untuk membincangkannya," katanya.

Masalah tuntutan pulau terbabit berlarutan sejak 1967. Persetujuan membawa masalah itu ke Mahkamah Antarabangsa dicapai antara Perdana Menteri, Datuk Sri Dr Mahathir Mohamad dengan bekas Presiden Suharto pada 1996 di Kuala Lumpur.

Abang Abu Bakar berkata, mesyuarat kali ini berjaya mewujudkan kerjasama erat antara kedua-dua negara dalam melaksanakan tugas keamanan di sempadan masing-masing.

Katanya, berbekalkan semangat Asean, Malaysia dan Indonesia akan terus memainkan peranan mewujudkan keamanan di sempadan masing-masing dengan membanteras kegiatan seperti penyeludupan, rompakan, mencuri hasil laut dan pencemaran.

"Kedua-dua negara juga akan terus bertukar maklumat mengenai keamanan di perbatasan baik di laut, darat dan udara," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua negara juga akan bekerjasama dalam usaha mencari dan menyelamatkan (SAR), termasuk mengadakan latihan bersama.

Sementara itu, Yakob berkata 300,000 pendatang tanpa izin Indonesia sudah pulang ke Indonesia sejak kerajaan Malaysia membenarkan mereka berbuat demikian tanpa sebarang denda dikenakan.

"Bagaimanapun, masih ada pendatang tanpa izin tidak berbuat demikian tetapi jumlahnya mungkin berkurangan," katanya.

(END)

